

Headline	Subsidi haji paling tinggi		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	36	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	258 cm ²
Journalist	Rosyahaida Abdullah	AdValue	RM 10,005
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,015



Subsidi haji paling tinggi

■ Kerajaan tanggung RM6,175 untuk setiap jemaah musim 2014

Oleh Rosyahaida Abdullah

Sejumlah RM130 juta yang bakal dibelanja-kan Lembaga Tabung Haji (TH) pada tahun ini adalah subsidi tertinggi ditanggung kerajaan buat setiap jemaah haji bagi menyempurnakan ibadat itu Oktober depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, TH masih mengekalkan kos mengerjakan haji pada kadar RM9,980 seorang tahun ini bilaun kos untuk tujuan itu sudah meningkat kepada RM16,155 berbanding RM15,555 tahun lalu.

Jumlah itu secara tidak langsung memperlihatkan sebanyak RM6,175 ditang-

gung kerajaan bagi seorang jemaah berbanding hanya RM5,755 pada 2013.

"Seperti mana dinyatakan Perdana Menteri baru-baru ini, ini adalah subsidi tertinggi ditanggung kerajaan untuk seorang jemaah dan ia akan dinikmati seramai 22,320 jemaah Malaysia yang dibenarkan menunaikan haji oleh kerajaan Arab Saudi untuk 2014.

"Peningkatan kos mengerja-kan haji diper-ngaruhi oleh kos pengurusan haji kenda-lian TH khu-

susnya pener-bangan, penginapan, makanan serta pengangkutan un-tuk jemaah yang meningkat saban tahun," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Penghargaan Sahabat Korporat TH di Jalan Tun Razak, di sini, semalam. Hadir sama Pengurus TH Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan

Ketua Pegawai Eksekutifnya Tan Sri Ismee Ismail.

Sementara itu, Abdul Aze-ez berkata, jemaah pertama musim haji tahun ini di- dualkan berlepas pada 27 Ogos depan dari Lapangan Terbang Antarabangsa

Kuala Lumpur (KLIA).

"Kita menjang-kakan lebih 60 pe-nerbang dari pelbagai lokasi termasuk Alor Se-tar (Kedah), Senai (Johor), Kuala Tereng-ganu (Terengganu) dan Kota Kinabalu (Sabah) sehingga 27 September," ka-tanya.

Pada majlis itu, sebanyak 41 sahabat korporat TH memberi sumbangan dalam bentuk wang tunai dan ba-rangan keperluan jemaah haji antaranya daripada Ya-yasan FELDA, Maybank Is-lamic Berhad dan Lembaga Zakat Selangor.



FAKTA
Seramai 22,320
jemaah Malaysia
dibenarkan tunai
haji oleh kerajaan
Arab Saudi pada
tahun 2014

Headline	Subsidi haji paling tinggi		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	36	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	258 cm ²
Journalist	Rosyahaida Abdullah	AdValue	RM 10,005
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,015



PENGARAH Urusan Yayasan FELDA, Datuk Seri Dr Emel Faizal Mohd Mokhtar (kiri) menyampaikan tajaan kepada Jamil (dua dari kanan) pada Majlis Simbolik Penyerahan Sumbangan dan Penghargaan Sahabat Korporat Tabung Haji.